

Malaysia lancar kempen agresif isu Orang Utan

UM - 28/5/2007

Oleh DALIZA ARIFFIN dan LIAU PEI WEN

KUALA LUMPUR 25 Mei - Malaysia akan melancarkan kempen besar-besaran bagi menyangkal dakwaan aktivis barat kononnya Malaysia dan Indonesia terbabit membunuh beribu-ribu Orang Utan untuk membuka ladang kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, tanggungjawab itu diserahkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kepada kementerian terbabit bagi membetulkan persepsi salah yang dilemparkan oleh aktivis barat tersebut.

"Kita akan menjelaskan keadaan sebenar berhubung isu tersebut pada satu seminar anjuran kementerian tersebut di Brussels, Belgium pada 6 Jun ini," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Dua Hala dalam bidang komoditi antara kerajaan Malaysia dan Indonesia, di sini hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Menteri Pertanian Indonesia, Dr. Ir. Anton Apriyantono.

Fah Kui berkata, seminar itu selain dihadiri peserta dari Indonesia, ia juga disertai para pegawai dan wakil kerajaan kedua-dua negara terbabit, serta pegawai daripada jabatan berkaitan termasuk Jabatan Pertanian dan Jabatan Alam Sekitar.

"Pegawai dan wakil daripada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak juga akan menghadiri seminar tersebut untuk memberi penjelasan pelbagai persoalan berhubung isu Orang Utan itu," katanya.

Fah Kui menjelaskan kerajaan Indonesia juga akan menganjurkan seminar serupa di London pada Julai ini.

Beliau berkata, kempen yang sama akan diadakan di Belanda.

"Kami (kementerian) juga akan menjemput badan bukan kerajaan (NGO), aktivis alam sekitar dan pihak media khususnya dari Amerika Syarikat dan Eropah untuk datang ke negara ini dan melihat sendiri keadaan sebenar," ujarnya.

Najib sebelum ini telah mengarahkan kementerian berkenaan dan pihak-pihak yang berkaitan untuk mengambil tindakan bagi membetulkan persepsi negatif terhadap negara ini dan Indonesia berhubung isu berkenaan.

Sebagai mengulas tindakan aktivis barat itu, Najib turut menjelaskan bahawa kempen aktivis alam sekitar barat itu bertujuan menjejaskan industri kelapa sawit negara.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Malaysia mempunyai rekod baik dalam mempertahankan kawasan hutan kekal serta memastikan semua pembangunan dijalankan berasaskan pengurusan mapan.

Arahan itu berikutan tindakan aktivis barat melancarkan kempen besar-besaran mengancam Malaysia dan Indonesia yang mereka dakwa telah membunuh beribu-ribu Orang Utan bagi membuka ladang kelapa sawit.

Kumpulan itu telah mengedarkan pelbagai risalah di pusat-pusat membeli-belah terkemuka seperti Tesco, Sainsbury dan Morrisons di Eropah untuk mengancam Malaysia dan Indonesia.

Aktivis berkenaan turut meminta rakyat Eropah memulaukan produk kelapa sawit keluaran Malaysia dan Indonesia.

Sementara itu, Anton Apriyantono berkata, penerokaan hutan di Indonesia bukan untuk aktiviti perladangan kelapa sawit.

"Ladang kelapa sawit di Indonesia adalah kecil seluas 5.5 juta hektar sahaja.

Menurutnya, sebanyak 64 juta hektar hutan di republik itu telah diterokai bagi tujuan pembalakan.

"Oleh kerana itu adalah tidak betul dakwaan bahawa populasi Orang Utan menyusut disebabkan aktiviti perladangan kelapa sawit di negara ini (Indonesia)," ujarnya.

Apriyantono juga berkata, kerajaan Belanda telah mengambil langkah untuk menghapuskan subsidi bagi tujuan tenaga menggunakan minyak sawit.

Pada mesyuarat berkenaan, kedua-dua negara bersetuju mengambil langkah bersama bagi memastikan tiada berlaku pembakaran terbuka ke arah mencapai matlamat pembakaran sifar di rantau ini.